



JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM,
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM,
TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2050 8000

FAKS: 03-2691 7564

Bil: JHEV/UKK/2025/03/06

Tarikh: 6 Mac 2025

SIARAN MEDIA

MAJLIS SUMBANGAN GANJARAN HILANG UPAYA (GHU) VETERAN ATM NEGERI SARAWAK

1. Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) hari ini telah mengadakan **Majlis Sumbangan Ganjaran Hilang Upaya (GHU) Veteran ATM di Hotel Penview, Kuching, Sarawak** bagi menghargai jasa dan pengorbanan para veteran yang telah mengalami kecederaan semasa melaksanakan tugas aktif dalam perkhidmatan ATM (tugas operasi dan latihan berisiko tinggi), turut dihadiri oleh wakil-wakil Persatuan Veteran ATM, pegawai-pegawai JHEV ATM, serta para penerima sumbangan.
2. Majlis ini melibatkan seramai **12 Veteran ATM daripada 19 Veteran keseluruhannya di Sarawak** dan kesemua mereka adalah Veteran ATM Berpencen.
3. Terdapat seramai **1,825 veteran ATM** hilang upaya seluruh Malaysia termasuk yang cedera semasa melaksanakan tugas aktif. Daripada jumlah tersebut seramai **292 Veteran ATM** mengalami **kecederaan semasa operasi dan latihan berisiko tinggi**.





JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM,
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM,
TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2050 8000


FAKS: 03-2691 7564

Penyampaian sumbangan **Ganjaran Hilang Upaya (GHU)** telah mula dilaksanakan sejak **awal Januari 2025**. Daripada **292 veteran ATM** yang telah disenaraikan, seramai **252 orang telah pun menerima GHU**.

4. KEMENTAH melalui JHEV ATM sentiasa menekankan kepentingan kebajikan Veteran ATM terus terbela melalui pelbagai inisiatif yang telah dirancang oleh kerajaan yang akan memberikan manfaat lebih luas dan kadar bayaran yang lebih tinggi kepada veteran yang mengalami kecederaan semasa bertugas aktif dalam perkhidmatan.

5. Fokus utama KEMENTAH dan JHEV ATM pada tahun 2025 adalah untuk mengukuhkan ekosistem persaraan veteran, memastikan kebajikan veteran yang rentan terus diperkasa serta memperluaskan jaringan kerjasama dengan sektor korporat, NGO, dan masyarakat awam.

6. Kerajaan amat menghargai dan memandang serius aspek kebajikan semua veteran ATM khususnya yang tercedera. Dalam usaha menjamin kebajikan mereka, **Kerajaan melalui Majlis Angkatan Tentera (MAT) ke 612 bertarikh 24 Okt 2023 dan Majlis Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 19 Sep 2024 telah meluluskan penambahbaikan Faedah Hilang Upaya ATM dalam Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 dengan menguatkuasakan kadar dan cakupan baharu bagi Kadar Faedah Hilang Upaya (FHU) Veteran ATM berkuatkuasa pada 1 Januari 2025 seperti berikut:**





JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM,
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM,
TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2050 8000

FAKS: 03-2691 7564

Faedah Hilang Upaya	Sebelum 1 Jan 25	Selepas 1 Jan 25	Catatan
a. Pencen Hilang Upaya (PHU)	Hanya kecederaan 20 % ke atas sahaja layak	Kecederaan dari 1% hingga 100%	Penambahbaikan peratus kecederaan untuk layak terima PHU
b. Ganjaran Hilang Upaya (GHU)	Hanya 19% dan ke bawah darjah kecederaan hilang upaya (<i>Wounded in Action</i>) dalam tugas aktif sahaja dibayar secara <i>one off</i>	Semua peratus darjah kecederaan (1% - 100%) hilang upaya (<i>Wounded in Action</i>) dalam tugas aktif dibayar secara <i>one off</i> dengan julat min RM6,000 dan mak RM72,000	Tugas aktif: Operasi dan latihan berisiko tinggi Disahkan oleh Lembaga Penentu Sebab (LPS) - Bhg Perkhidmatan Kesihatan (BPK)
c. Elaun Pelajaran	RM 200 hingga RM685 setahun	Dinaikkan dari RM 1,600 hingga RM5,400 setahun mengikut tahap pendidikan	Dibayar secara <i>one off</i> setahun kepada anak-anak Veteran yang menerima PHU
d. Elaun Layanan Sentiasa	RM400 sebulan	Dinaikkan kepada RM1,500 sebulan selaras dengan Perintah Gaji Minimum 2022	Veteran yang berdarjah hilang upaya 100% atau yang terlantar

7. Negeri Sarawak mempunyai **17,103 veteran ATM** dimana **10,604** adalah veteran ATM **berpencen**, **4,836** adalah veteran ATM **yang tidak berpencen** dan **1,663** penerima **pencen terbitan**.

8. KEMENTAH melalui JHEV ATM akan terus komited memelihara kebajikan veteran ATM. Tekad ini adalah selari dengan komitmen yang telah digariskan dalam **Pelan Strategik MINDEF 2021-2025: Teras 7 – Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM**.



JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM,
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM,
TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2050 8000

FAKS: 03-2691 7564

9. Iltizam ini juga disokong dengan peningkatan peruntukan JHEV ATM dari **RM226 juta tahun 2024 kepada RM239 juta bagi tahun 2025**. Peruntukan ini adalah untuk membiayai perbelanjaan kebajikan dan kemudahan veteran ATM khususnya Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Perubatan, Bantuan Institut Pengajian Tinggi dan Persekolahan, Inisiatif Perumahan dan sebagainya.

10. Pengukuhan dan pemerkasaan aspek kesejahteraan veteran sentiasa diperluas dan diperkemas agar kebajikan veteran ATM sentiasa terpelihara sebagaimana yang telah digariskan di dalam **Perutusan Tahun Baharu 2025 Menteri Pertahanan dalam Fokus Keempat: Memperkukuh Ekosistem Kesejahteraan**.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

‘RESPONSIF | PRIHATIN | KOMITED’

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) ATM

KUALA LUMPUR

